# KEJOHANAN FUTSAL PIALA NAIB CANSELOR 2010



Oleh: Majlis Perwakilan Pelajar
Sesi 2009/2010

**Pada 28 Mac 2010**, Kejohanan Futsal Piala Naib Canselor 2010 anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010 dengan kerjasama Persatuan PPK Sistem Elektrik (PERKASE) mendapat sambutan hebat dimana sebanyak 41 pasukan telah menyertainya. Kejohanan tersebut dibuka kepada dua kategori iaitu kategori lelaki dan wanita. Keputusan yang diperolehi telah melayakkan pasukan Meki FC meraih Johan Kategori Lelaki di mana mereka telah mengalahkan kumpulan Budabez dengan jaringan 2-1. Pasukan Meki FC berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM250.00 dan piala pusingan manakala Naib Johan pasukan Budabez membawa pulang wang tunai sebanyak RM200.00. Tempat ke-3 menjadi milik pasukan "Team Baba" dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 150.00

Bagi Kategori Wanita pula Johan menjadi milik pasukan BBL, iaitu pasukan pelajar tahun akhir ijazah. Mereka berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM150.00 dan piala pusingan. Tempat ke-2 ialah pasukan Gagak Hitam, membawa pulang wang tunai RM130.00 manakala Tempat ke-3 pula disandang oleh pasukan Kapitan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 100.00.

Setiap pasukan yang berjaya mendapat tempat turut mendapat hadiah iringan iaitu medal dan hamper. Pihak penganjur iaitu MPP dan Persatuan Pelajar Sistem Elektrik mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kejohanan ini.